

06 DEC 1998

Mahathir-Selamat

USAHA GIGIH PERLU UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat perlu berusaha lebih gigih menyelamatkan maruah dan kebebasan negara dengan mengelakkan pergantungan kepada orang asing dalam pelbagai aspek.

"Inilah cara menyelamatkan negara kita dengan berusaha lebih gigih lagi supaya kita tidak bergantung dengan orang asing untuk apa saja sebaliknya kita hendak orang asing bergantung kepada kita," kata Perdana Menteri.

Berucap merasmikan kompleks Institut Pengurusan Peladang dan mesyuarat agung tahunan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di sini, beliau berkata walaupun kemajuan Malaysia setakat ini lebih tinggi dari sesetengah negara tetapi rakyat perlu sedar kerana ada orang lain yang lebih cekap.

"Kita hendaklah jangan berpuashati dengan kemajuan yang dicapai kerana ramai lagi manusia di dunia ini yang lebih cekap dari kita dan kalau kita kurang cekap mereka ini akan menguasai kita," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka ingin menjajah negara ini semula dan kali ini penjajahan akan dibuat melalui ekonomi dengan menjadikan Malaysia miskin papa sehingga meminta-minta daripada mereka.

Melalui kelemahan seperti itu mereka akan mengenakan syarat-syarat tertentu yang akan menjadikan negara dan rakyat ini sebagai hamba.

"Hari ini mereka sedang cuba mengambil alih kebanyakan daripada syarikat-syarikat milik orang Asia di negara-negara yang terpaksa tunduk kepada IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata Malaysia tidak tunduk kepada IMF, "sebab itu negara kita sudah terselamat sedikit tetapi keselamatan kita bergantung kepada kita".

Beliau juga menggariskan beberapa panduan kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang mampu mentadbir dan menyelamatkan negara ini.

"Kerajaan bukan menjadi kerajaan semata-mata untuk memberi tempat kepada wakil rakyat memegang jawatan sebagai menteri, Perdana Menteri dan sebagainya", jelas beliau.

"Kalau mereka gagal mereka tidak harus dipilih semula dan kalau mereka pula rela orang asing menentukan nasib negara kita ini mereka itu juga tidak harus dipilih," katanya.

Dr Mahathir juga berkata mereka yang harus dipilih dan mentadbir negara ini ialah "mereka yang mampu mengeluarkan idea-idea yang boleh menyelamatkan negara kita dan di masa yang sama memajukan negara".

Orang yang diberi tempat ini sebenarnya mempunyai tanggungjawab untuk menyelamatkan negara.

Perdana Menteri juga berkata dengan pelaburan kerajaan dalam pembinaan institut itu dengan kerjasama NAFAS, beliau yakin standard peladang akan meningkat sepanjang masa dan mereka akan berjaya menyelamatkan negara dari terlalu bergantung kepada orang asing terutama untuk bahan makanan.

"Kalau kita tidak mempunyai bekalan yang cukup, kita akan jadi pengemis dan meminta-minta dari orang lain yang menyebabkan kita akan hilang maruah dan kebebasan", katanya.

Beliau berdoa Malaysia tidak akan hilang kebebasan itu dan berharap badan seperti NAFAS dapat menangkis sebarang serangan asing ke atas negara ini.

Perdana Menteri juga berkata sesuai dengan kegawatan ekonomi sekarang, beliau mahu pertubuhan peladang yang mempunyai keanggotaan lebih 600,000 orang supaya mengalihkan perhatian kepada hasil tanaman lain daripada yang

sedia ada yang boleh memberi pendapatan agak lumayan.

Mereka perlu menggandakan usaha untuk mengurangkan pergantungan negara kepada bahan pertanian yang diimport.

Dr Mahathir berkata di zaman kegawatan ini, mereka perlu mengalih tumpuan kepada penanaman hasil pertanian yang boleh menggantikan barangan makanan yang diimport seperti bawang besar.

Masyarakat peladang perlu memikirkan mengenai penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan hasil tanaman sesuai dengan alam sekeliling.

Dr Mahathir kemudian melawat sekitar kompleks enam tingkat yang berharga kira-kira RM11 juta itu.

Beliau kemudian melawat percubaan memecah rekod dunia, tinggal bersama 150 ekor ular berbisa selama 27 hari, mulai hari ini oleh Raja Ular Othman Ayeb di Taman Legenda di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir melawat projek pembinaan kelong berharga kira-kira RM3 juta di Teluk Burau di sini.

-- BERNAMA

NH/JM RON